

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 11.04.2025 MASA: 5.30PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH BAGI PROGRAM
PERTANDINGAN MENGUMPUL KOTAK MINUMAN
SEMPENA TAHUN BARU CINA 2025 ANJURAN
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**17 APRIL 2025 (KHAMIS)
9.00 PAGI**

**AUDITORIUM MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
SEBERANG PERAI TENGAH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin

Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap Penyampaian Hadiah
Bagi Program Pertandingan Mengumpul Kotak Minuman Sempena Tahun
Baru Cina 2025

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Guru-Guru Dan Pelajar-Pelajar Sekolah Rendah

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya juga, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini bagi menyempurnakan **Majlis Penyampaian Hadiah Bagi Program Pertandingan Mengumpul Kotak Minuman Sempena Tahun Baru Cina 2025 Anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)**.
2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua warga kerja yang terlibat dan kepada semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis ini. Sesungguhnya, inisiatif sebegini amat bertepatan dengan aspirasi bandaraya kita untuk memperkasa budaya kitar semula dan mengukuhkan kesedaran sivik dalam kalangan generasi muda, khususnya para pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang menjadi peserta program ini.
3. Program ini bukan sekadar pertandingan semata-mata, tetapi merupakan satu platform pendidikan yang membentuk kepekaan terhadap tanggungjawab menjaga kelestarian alam sekitar. Untuk makluman semua, sebanyak 21 buah SJKC dari seluruh Seberang Perai telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini, dengan pembahagian yang seimbang antara tiga (3) daerah; Seberang Perai

Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan, masing-masing diwakili oleh tujuh (7) buah sekolah.

4. Tempoh pengumpulan kotak minuman bermula dari Januari hingga Februari 2025, dan pemenang ditentukan berdasarkan beratan per kapita tertinggi yang berjaya dikumpul. Ini merupakan satu pendekatan yang adil dan menggalakkan semangat berpasukan serta kebertanggungjawaban dalam kalangan pelajar.
5. MBSP amat berbesar hati menyediakan ganjaran berupa wang tunai dan sijil penyertaan kepada para pemenang, dengan jumlah keseluruhan hadiah mencecah RM4,050.00. Anugerah ini bukan sahaja sebagai penghargaan kepada usaha para pelajar, malah menjadi motivasi agar semangat mencintai alam sekitar terus disemai dan disuburkan dalam jiwa generasi pewaris masa depan.
6. Saya amat berharap agar program seperti ini dapat diperluas dan diperhebat dari semasa ke semasa, bukan sahaja dalam kalangan sekolah, malah juga melibatkan komuniti, organisasi dan sektor swasta. Adalah menjadi harapan saya agar warga Seberang Perai dapat memberikan sokongan penuh terhadap pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca yang telah diperketatkan penguatkuasaan sejak Julai 2024.
7. Kita perlu memahami bahawa pengurusan sisa pepejal bukan hanya tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan semata-mata, tetapi memerlukan pendekatan holistik dan menyeluruh daripada semua

lapisan masyarakat demi menjamin masa depan bumi yang lebih bersih dan lestari.

8. Akhir kata, saya menyeru agar segala usaha yang digerakkan ini akan terus menyumbang ke arah menjadikan “Seberang Perai Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar”, sejajar dengan visi MBSP dalam membentuk landskap perbandaran yang progresif serta mesra alam untuk generasi kini dan akan datang.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***